

Pendidikan Bagi Komuniti Orang Kurang Upaya
Penglihatan di Malaysia: Satu Analisis daripada
Perspektif Sejarah

WONG HUEY SIEW DAN SANDIYAO SEBESTIAN

University Malaya

Abstract

This article provides an overview of the historical educational development of persons with visual disability in Malaysia. The main discussion of this article is from the colonial period and after independence including recent development in the field. Primary education for the blind was established during the colonial period and secondary education only started after independence. Based on available review of literature, it is apparent that four key sectors have played essential roles in the educational development of persons with visual disability. They are religious organizations, local government, Ministry of Education and persons with visual disabilities themselves. This historical analysis provides the growth and development of education of the visually disabled in Malaysia. This article also provides brief information on the status of blind students' academic progress in the University of Malaya.

Pendahuluan

Secara umumnya, masyarakat melabelkan orang yang memerlukan keperluan khas sebagai orang cacat (*handicap*), kurang upaya (*disability*) dan ketidaksempurnaan (*impairment*). Menurut Berdine, WH dan Blackhurst, AE. (1985), kecacatan merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh orang cacat ketika berinteraksi dengan persekitarannya; kurang upaya bermaksud kekurangan fungsi atau ketidakhadiran sesuatu organ tubuh badan tertentu dan ketidaksempurnaan pula merupakan kecederaan atau keceleaan tisu.

Akan tetapi, penggunaan istilah-istilah tersebut masih dipertikaikan, sarna ada di peringkat antarabangsa ataupun dalam negara. Dalam

konteks perbincangan ini, penulis akan menggunakan istilah kurang upaya. Jadi, kumpulan sasaran perbincangan akan dikenali sebagai orang kurang upaya penglihatan (OKUP) atau pelajar kurang upaya penglihatan (PKUP). Rasionalnya penulis menggunakan istilah PKUP dan OKUP adalah sejajar dengan penggunaan di jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pendidikan Khas (JPK) di Malaysia.

Kini, komuniti OKUP di Malaysia berpeluang mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Sekolah Rendah Alma (St. Nicholas) di Negeri Pulau Pinang dan Sekolah Puteri Elizabeth di Johor Bahru merupakan dua buah sekolah rendah yang paling awal menyediakan kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya penglihatan, iaitu masing-masing dalam tahun 1926 dan 1949.

Pada tahun 1960-an, pendidikan bagi OKUP telah memasuki satu era baru kerana mereka mulai berpeluang meneruskan pelajaran di peringkat sekolah menengah. Ketika itu, OKUP ditempatkan di sekolah menengah melalui program rancangan integrasi (RI) di sekolah biasa. Mengikut rancangan ini, PKUP akan belajar di kelas bersamasama dengan pelajar-pelajar biasa. Pada masa yang sama, PKUP juga dibantu oleh guru resos yang dilatih khas untuk melicinkan proses pembelajaran harian mereka (Buletin Pendidikan Khas, Nov.1997).

Selepas itu, hak dan penyertaan komuniti OKUP dalam bidang pendidikan semakin terjamin kerana keperluan pendidikan bagi golongan sasaran ini terus mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Pada April 1974, satu kemajuan yang signifikan telah dicapai oleh Kementerian Pendidikan kerana sebuah sekolah menengah khas berasas penuh bagi PKUP telah ditubuhkan di Setapak Kuala Lumpur. Ia dirasmikan pada tahun 1980 oleh Menteri Pendidikan ketika itu, iaitu Dato Musa Hitam (Risalah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kurang Upaya Penglihatan,1998). Tujuan penubuhan sekolah ini adalah untuk memberi peluang yang lebih luas kepada OKUP melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah secara eksklusif.

Pendidikan bagi golongan minoriti yang berkeperluan khas telah berkembang dengan pesat di negara kita, khususnya selepas tahun 1962. Sehingga tahun 2000, JPK melaporkan bahawa ketika ini terdapat 31 buah sekolah pendidikan khas di seluruh negara. Tiga daripadanya ialah sekolah menengah iaitu dua buah sekolah pendidikan khas bagi pelajar bermasalah pendengaran dan sebuah lagi bagi mereka yang bermasalah penglihatan, Di samping itu, sekolah rendah pendidikan khas (SRPK) bagi golongan kurang upaya penglihatan adalah sebanyak lima buah, manakala sekolah rendah pendidikan khas bagi pelajar bermasalah pendengaran pula adalah sebanyak dua puluh tiga buah. Kelima-lima buah sekolah rendah bagi PKUP boleh dilihat dalam Jadual 1 di bawah:

Nama Sekolah	Negeri
SRPK Jalan Alma (P)	Pulau Pinang
SRPK Jalan Batu	Kuala Lumpur
SRPK Puteri Elizabeth	[ohor
SRPK Tuaran	Sabah
SRPK Kuching (B) Jalan nWTan	Sarawak

Jadual: Senarai Nama Sekolah Rendah Pendidikan Khas bagi Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia.

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas 2000)

Selain daripada belajar di sekolah menengah pendidikan khas, PKUP juga ditempatkan di program RI di seluruh Malaysia. Mengikut JPK 2000, terdapat sebanyak 10 program RI bagi golongan sasaran ini di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Program RI yang dimasukkan dapat dilihat dalam Jadual 2:

Negeri	Nama Sekolah
Johor	Maktab Sultan Abu Bakar SMK Tinggi, Jalan Meriam
Selangor	SMK Dato Hamzah
Wilayah Persekutuan	SM St John SMK (P) Air Panas
Penang	SMK Haji Zainul Abidin SMK (P) St George
Kedah	SMK Tunku Abdul Malik
Sarawak	SMK Batu Lintang
Sabah	SMK Badin di Tuaran

Jadual 2: Senarai Program Rancangan Integrasi bagi Pelajar Kurang Upaya Penglihatan Mengikut Negeri bagi Tahun 2000

(Sumber: jabatan Pendidikan Khas 2000)

Jika kita meneliti dengan terperinci terhadap senario seperti mana yang berlaku di atas, ia jelas memperlihatkan bahawa perkembangan pendidikan bagi komuniti OKUP di negara kita bermula pada awal abad ke-20. Oleh itu, kita merumuskan bahawa perkembangan ini dapat dibahagikan kepada dua tahap yang utama, iaitu:

1. perkembangan yang berlaku pada zaman penjajahan Inggeris, dan
2. perkembangan yang berlaku pada zaman selepas kemerdekaan.

Perkembangan Yang Berlaku Pada Zaman Penjajahan Inggeris

Pada zaman penjajahan Inggeris, usaha untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pendidikan bagi komuniti OKUP di negara-negara Asia termasuk Tanah Melayu telah dipelopori oleh pergerakan sosial yang terdiri daripada institusi-institusi yang bercorak keagamaan. Seorang sarjana dari barat bernama Bourgeault (1970) turut menyuarakan pandangan yang ini. Menurut beliau,

Early school programmes for handicapped children Were organized by missionary groups or by private philanthropies, and the field of special education owes a debt of gratitude to those religious pioneers who duplicated European experiences and showed that blind children in Asia, too, could be educated (him. 14).

Pada pendapat Noraini Mohd Salleh (2000), keadaan dan perkembangan pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya di negara kita adalah bahawa "dahulu mereka disimpan di rumah, dibuang atau diletakkan di gereja, kuil atau di rumah anak yatim. Apabila manusia sudah mula berhati perut, persekolahan diberi dan ini telah dimulakan oleh mubaligh agama tertentu. Dan selepas itu barulah terdapat campu! tangan badan-badan sukarela dan akhir-akhir ini barulah oleh pihak kerajaan pula".

Seterusnya, seorang tokoh pendidikan khas tempatan yang bernama Chua Tee Tee dalam rencana beliau (pendidikan Khas di Malaysia) yang diterbitkan di Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1970, antara lain beliau menyebutkan bahawa pendidikan khas di negeri ini boleh dikatakan telah bermula apabila Misi Anglikan mendirikan Rumah dan Sekolah St. Nicholas bagi OKUP di Melaka pada tahun 1926. Ia telah dipindahkan ke Pulau Pinang pada tahun 1931. Pada ketika itu (1970), sekolah berkenaan menjaga seramai 80 orang kanak-kanak kurang upaya penglihatan di peringkat sekolah rendah. Dengan kata lain, sekolah ini merupakan sekolah khas yang pertama di Malaysia bagi kanak-kanak yang memerlukan keperluan khas.

Kemudian, kemudahan pendidikan bagi komuniti OKUP terus diperluaskan di Tanah Melayu. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan pendidikan OKUP di bahagian selatan Tanah Melayu. Sebuah sekolah bernama Sekolah Puteri Elizabeth bagi kanak-kanak kurang upaya penglihatan telah ditubuhkan pada tahun 1949 di Johor Bahru (Chua 1970). Beliau juga melaporkan bahawa tanah untuk tapak sekolah tersebut telah dihadiahkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Pembukaan Sekolah Rendah Puteri Elizabeth merupakan satu kerjasama daripada semua pihak. Sesungguhnya, perbelanjaan atau wang yang digunakan untuk membina bangunan dan kelengkapan sekolah berkenaan merupakan sumbangan daripada orang ramai, Kumpulan Wang Hadiah Perkahwinan Puteri Elizabeth, Majlis Kebajikan Pusat dan Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat. Ketika ini, sekolah tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan pendidikan berasrama penuh untuk PKUP.

Berdasarkan perbincangan setakat ini, satu perkara yang dapat ditelitikan di sini, iaitu sebelum tahun 1960, komuniti OKUP di negara kita hanya disediakan dengan kemudahan pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Noraini Salleh (1995). Ini bermakna mereka tidak berpeluang meneruskan pelajaran di peringkat sekolah menengah dalam tempoh masa di antara 1949 sehingga 1962. Ini adalah kerana pada tahun 1962, OKUP baru diberikan peluang untuk meneruskan pelajaran mereka di sekolah menengah melalui rancangan percantuman.

Walau bagaimanapun, OKUP di negara ini masih mempunyai satu alternatif lain untuk memperolehi pendidikan dan latihan kerana mereka berpeluang mernasuki ke institusi latihan dan pemulihan. Menurut Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) (dalam risalah MAB), Pusat Latihan Gurney (GTC) bagi OKUP di Brickfields, Kuala Lumpur yang juga pernah dikenali sebagai Pusat Latihan Penilaian Gurney telah ditubuhkan pada tahun 1953 oleh J.K.M. Pada masa sekarang, pusat latihan ini mengambil masuk PKUP yang menamatkan pendidikan rendah atau menengah bagi menjalani latihan pemulihan dan vokasional. Mereka dilatih bagi memenuhi keperluan-keperluan pekerjaan pada hari ini sama ada di dalam bidang perusahaan atau pekerjaan.

Perkembangan Yang Berlaku Selepas Kemerdekaan

Selepas kemerdekaan, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menunjukkan inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk memajukan sistem pendidikan dan bekerja keras untuk mempertingkatkan kemudahan di semua sekolah. Pendidikan bagi komuniti minoriti yang berkeperluan khas di negara ini juga turut mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Justeru, kemudahan dan perkhidmatan pendidikan bagi golongan pelajar berkeperluan khas ini telah mengalami zaman paradigms terutamanya dalam tempoh tahun 1960 dan seterusnya. Ini adalah kerana pihak kerajaan telah merangka satu dasar pendidikan nasional yang komprehensif dan menjadikan perkara mengenai pendidikan khas sebagai sebahagian daripada agenda penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi bagi golongan istimewa di Malaysia.

Sebelum mencapai kemerdekaan, didapati bahawa kerajaan tidak melibatkan diri secara langsung dalam menyediakan kemudahan pendidikan bagi golongan pelajar berkeperluan khas kerana tanggungjawab ini telah dipikul oleh pertubuhan sukarela. Selepas kemerdekaan, keadaan ini telah berubah terutamanya selepas tahun 1960. Pada masa itu, kerajaan telah mengambil bahagian yang aktif dalam perihal pendidikan khas, contohnya menyediakan keperluan asas bagi pelajar-pelajar istimewa seperti mana yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Perkara ini telah disebut dalam *Country Report Malaysia 2000* (Strengthening And Encouraging School Development).

Antara perkara yang disentuh adalah:

Officially, the government recognised that children with special needs has the right to attend formal schooling as enshrined in the Education Act 1961.

Paradigma yang berlaku dalam bidang pendidikan khas di rantau Asia sememangnya merupakan satu perubahan yang dinamik, Bourgeault (1970) menggambarkan perkembangan sebegini seperti berikut:

It was many years before governments were asked to assist in partial support of these programmes. There has always seemed to be resistance to including these programmes under the direction and full support of government. But as schools for blind children were successful, and as governments made progress in their effort to improve services for all children, government interest in the programmes of these specialised schools increased. Earlier "token" support became more substantial. It is rare today in Asia, which does not give considerable if not total, financial support to these programmes, which were formerly funded almost exclusively by private groups (hlm.1)

Sejajar dengan perkembangan semasa di rantau ini dan peruntukan pada Akta Pelajaran 1961, Kementerian Pelajaran ketika itu telah bertanggungjawab menyediakan satu garis panduan bagi semua atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan pendidikan khas agar ia dapat memajukan kemudahan infrastruktur bagi kumpulan pelajar sasaran ini. Begitulah kali pertama pihak kerajaan di Persekutuan Tanah Melayu melibatkan diri secara langsung dalam agenda pendidikan khas.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan JPK, (2000) antara perkara-perkara yang disentuh dalam Akta Pelajaran 1961 yang berkaitan dengan pendidikan khas merangkumi "Sekolah Khas bermakna sekolah yang menyediakan perkhidmatan khas untuk murid yang tidak berkeupayaan (*disability*), Perkara 2 - Terjemahan, dan Perkara 25-Institusi Pendidikan

(1) mengendalikan institusi pendidikan seperti berikut: (e) sekolah-sekolah khas".

Sementara itu, Laporan jawatankuasa Kabinet 1979 telah membawa banyak perubahan kepada perkembangan pendidikan khas di negara ini. Dalam laporan tersebut, ia menegaskan bahawa semua kanak-kanak khas perlu disediakan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti sama seperti rakan-rakan mereka di sekolah biasa. Jawatankuasa Kabinet juga mencadangkan bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas, Adalah diperakukan bahawa kerajaan hendaklah

mengambilalih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa itu. Di samping itu penyertaan, oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas hendaklah terus digalakkan.

Apa yang dapat dirumuskan dalam Laporan Jawatankuasa 1979 ini adalah seperti berikut:

- (i) Pendemokrasian pendidikan. Ia merupakan salah satu daripada rmatlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dalam koriteks, pendemokrasian pendidikan ini bererti peluang pendidikan yang sarna rata bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas sama seperti pelajar-pelajar lain di sekolah biasa.
- (ii) Menyediakan kemudahan pendidikan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran. Ini adalah kerana kemudahan bagi kumpulan sasaran ini kurang diberi perhatian oleh pihak berkuasa.

Kemudian, perihal mengenai pendidikan khas bagi komuniti yang berkeperluan khas terus mendapat perhatian oleh pihak kerajaan khususnya dalam Akta Pendidikan 1996. Dalam bab 8 seperti yang terkandung dalam Akta Pendidikan tersebut, antara lain menyebutkan bahawa "Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat": Dalam Akta Pendidikan ini juga menyatakan kuasa Menteri untuk menetapkan tempoh belajar dan kurikulum pendidikan khas bagi murid-murid berkeperluan khas,

Keadaan dan nasib orang kurang upaya di Malaysia dalam bidang pendidikan menjadi semakin terjamin, khususnya selepas zaman kemerdekaan telah berkembang secara drastik. Noraini Mohd Salleh (2000) menggambarkan proses perkembangan pendidikan bagi komuniti ini sebagai, "Jikalau dahulu kanak-kanak ini diletakkan di sekolah berasrama penuh dan selalunya jauh daripada penglihatan

orang ramai, Bila ada kemajuan, senario telah berubah lagi kepada program percantuman, sekolah khas harlan, kelas-kelas khas dan program inklusif ".

Ekoran daripada perkembangan di atas, PKUP merupakan golongan minoriti orang kurang upaya yang awal sekali menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Selepas zaman penjajahan Inggeris, kemudahan pendidikan bagi korouniti OKUP di Malaysia, terutamanya di tahap sekolah menengah memasuki satu era baru. Ini adalah kerana semua pelajar yang berkeperluan khas, termasuk PKUP yang menamatkan persekolahan di peringkat rendah tidak ditempatkan di sekolah menengah khas. Sebaliknya, program RI diperkenalkan. Ini terbukti apabila Chua (1970) mengatakan,

Malaysia set the pace for the integrated system of educating the blind in South East Asia when the Government agreed to the posting of a Consultant from the American Foundation for Overseas Blind to the Ministry of Education in 1962.

Untuk merealisasikan rncadamat program RI ini, satu projek eksperimen telah dilaksanakan di kalangan PKUP. Fatimah Hanum (1992) melaporkan bahawa: *"In 1960, an experiment was started lry St. Nicholas School; Penang to mainstream. Its jour students were involved, two girls in Sf. George} Girls School and two boys in Penang Free School. In 1962, the Ministry of Education adopted mainstreaming on a national level"*. Secara ringkasnya, dapat kita saksikan bahawa terdapat dua sis tern persekolahan dilaksanakan bagi PKUp, iaitu sistem sekolah segregasi dan sistem program integrasi,

Melalui pendekatan program RI ini, PKUP menyertai kelas biasa di sekolah biasa. Mereka belajar dalam kelas biasa pada waktu yang sama, rnereka juga, *"goes to the resource room only to use specialised equipment and to receive specialised instmction in a tutored situation"* (Chua, 1970). Sehingga tahun 1970, beliau melaporkan bahawa terdapat sebanyak 21 program RI di peringkat sekolah menengah di seluruh Malaysia kecuali

Perlis, Pahang, dan Sabah. Akan tetapi, JPK telah membuka lebih daripada 500 program RI di negara kita.

Sementara itu, sebuah sekolah menengah khas berasrama telah dibuka pada tahun 1974 dan beroperasi dengan sepenuhnya pada tahun 1978 untuk membolehkan PKUP memperoleh peluang pendidikan yang samarata seperti pelajar-pelajar biasa. Dengan kata lain, semua PKUP bersekolah di program RI di peringkat sekolah menengah sebelum tahun 1978. Godfrey Ooi (penolong Kanan Pengarah Eksekutif MAB) semasa ditemubual menyatakan bahawa RI bagi PKIJP yang pertama di peringkat sekolah menengah adalah di sekolah ST. Gabriel Kuala Lumpur pada tahun 1962. Pada tahun 1963, sebuah lagi sekolah menengah yang mengendalikan program RI bagi PKUP adalah sekolah Light Street Convent Pulau Pinang. Pada tahun yang sama program RI turut dibuka di sekolah KGV (Seremban), dan juga sekolah Infant Jesus Convent Johor Bahru.

Selepas itu, Program RI terus diperluaskan di seluruh negara. Pada tahun 1964, sekolah menengah Temerloh di Pahang telah membuka program RI bagi PKUP supaya meneruskan persekolahan mereka di pantai timur. Pada tahun 1965, sekolah St. Xavier di Pulau Pinang juga memulakan program RI bagi PKUP. Pada tahun 1966, St. John institution di Kuala Lumpur turut menjalankan program RI bagi PKUP. Pada tahun 1970an hingga 1980an, program RI juga dibuka di beberapa sekolah di sekitar Kuala Lumpur, seperti Sekolah Menengah Tinggi Setapak, Sekolah Menengah Perempuan Air Panas, Sekolah Menengah Temerloh Titiwangsa dan Sekolah Menengah Lelaki Methodist. Begitu juga Sekolah Menengah Zainal Abidin Ahmad dan St. Georges di Pulau Pinang, Maktab Sultan Abdul Hamid di Kedah, Sekolah Menengah Abdul Samad Kelang, Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru, Sekolah Menengah Tinggi Muar serta yang terkini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Malik di Kedah, iaitu pada tahun 1999.

Chua (1976) telah menyenaraikan senarai sekolah khas, pusat latihan dan kelas di Malaysia bagi semua kategori kecacatan di antara tahun

1926-1970. Bagi kategori cacat penglihatan, sejarah perkembangan pendidikan khas dan latihan vakasionalnya adalah seperti berikut:

1. St. Nicholas Home bagi kanak-kanak kurang upaya penglihatan di Melaka pada tahun 1926 din dipindah ke Pulau Pinang pada tahun 1931,
2. Sekolah Puteri Elizabeth bagi kanak-kanak kurang upaya penglihatan di Johor Bharu pada tahun 1949 dan dipindah ke tapak sekolah sekarang semenjak tahun 1954,
3. Pusat Latihan Gurney bagi orang kurang upaya penglihatan di Kuala Lumpur pada tahun 1953,
4. Taman Harapan Pertanian bagi orang kurang upaya penglihatan pada tahun 1958,
5. Bengkel Kinta Valley di Petak pada tahun 1959 (pernah menjadi pusat latihan pada tahun 1968),
6. Percubaan program integrasi bagi pelajar-pelajar kurang upaya penglihatan di sekolah biasa pada tahun 1962,
7. Pusat Latihan Wallace di Tuaran di Sabah pada tahun 1962,
8. Pusat Latihan bagi orang kurang upaya penglihatan di Kuehing, Sarawak pada tahun 1963; dan
9. Pusat Pekerjaan St. Nicholas pada tahun 1964.

Seterusnya, JPK dalam Buletin November 1997 juga telah meringkaskan sedikit sebanyak ten tang sejarah perkembangan pendidikan bagi kornuniti OKUP. Antaranya adalah seperti:

1. 1963 - Penubuhan Jawatankuasa Utama Pembentukan Kod Braille Bahasa Melayu untuk mengembangkan Sistem Kod Braille Bahasa Melayu,

2. 1977 - Pembukaan Sekolah Menengah berasrama bagi pelajar kurang upaya penglihatan di Setapak,
3. 1978 -. Pengambilalihan SRPK Puteri Elizabeth oleh Kementerian Pendidikan sebagai sekolah bertaraf penuh,
4. 1983 - Penubuhan Jawatankuasa Kod Braille al-Quran dan Bengkel Penulisannya bagi tujuan mengembangkan Sistem Kod Braille al-Quran; dan
5. 1984 - Penubuhan Unit Perintis Penerbitan dan Percetakan Braille/ Kerabunan Kementerian Pendidikan untuk menyediakan bahan-bahan dalam Braille khususny buku teks dan penyelenggaraan ala tan Braille.

Penubuhan Jawatankuasa Mengkaji Peluang-peluang Pekerjaan Untuk Pelajar / Lepas Siswazah kurang upaya penglihatan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk memastikan perkembangan program pendidikan khas bagi komuniti OKUP berjalan dengan lancar di Malaysia, maka pada tahun 1962 program latihan bagi melatih guru-guru pendidikan khas yang mengajar PKUP telah diadakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur. Tempoh kursus latihan ini adalah selama setahun dan guruguru pelatih yang ingin mengikuti program ini seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya duatahun pengalaman mengajar. Guru-guru pendidikan khas juga dilatih melalui pembiayaan biasiswa di Britain, Australia, New Zealand, dan Amerika Syarikat,

Pada tahun 1970, komuniti OKUP telah mencatatkan satu sejarah yang sungguh bermakna dalam bidang pendidikan di Malaysia. Godfrey Ooi, semasa ditemubual mengatakan bahawa Naib Canselor Universiti Malaya (UM) pada ketika itu, iaitu Prof. Diraja Ungku Aziz telah bersetuju buat kali pertama untuk menerima OKUP yang berkelayakan meneruskan pengajian mereka di universiti tempatan. Terdapat dua orang PKUP iaitu Ismail Saleh dan Martha Ho buat kali pertama telah diterima masuk untuk melanjutkan pengajian mereka di UM.
Ekoran

daripada itu, pada setiap sesi pengajian, UM telah menerima masuk kira-kira seorang hingga lima orang PKUP yang memenuhi syarat-syarat kemasukan untuk meneruskan pengajian mereka sehingga masa sekarang. Ini bermakna, pada setiap tahun terdapat lebih kurang satu hingga lima PKUP menamatkan pengajian di UM. Seseengah daripada mereka juga meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dan Falsafah Kedoktoran.

Pada peringkat awal, kebanyakan PKUP mengikuti bidang pengajian di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Akan tetapi, pada penghujung 1990an sehingga sekarang, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Linguistik memberi laluan kepada PKUP untuk mengikuti pengajian di fakulti tersebut. Selain itu, terdapat sebilangan kecil sahaja PKUP melanjutkan pengajian di Fakulti Undang-undang, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Akademik Pengajian Islam dan Akademik Pengajian Melayu. Situasi sedemikian [elas menunjukkan bahawa PKUP masih tidak berpeluang mengikuti pengajian di Fakulti lain seperti Pusat Kebudayaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Sains, Pusat Sains Sukan serta Fakulti Komputer Sains dan Teknologi Maklumat. Ketaksamaan peluang sebegini jarang sekali berlaku di negara barat terutamanya di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Hal ini berlaku kerana di setiap peringkat persekolahan iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan Universiti, PKUP disediakan dengan banyak kemudahan dan tenaga pengajar yang mahir untuk mengajar PKUP dalam aliran Sains dan Teknikal. Justeru, Kementerian Pendidikan dan Pihak Pentadbiran Universiti boleh mengambil inisiatif bagi membolehkan PKUP bagi menikmati peluang pendidikan yang saksama sama seperti pelajar lain. Antara Aspek-aspek yang mungkin boleh dipertimbangkan meliputi membukakan semua pintu institusi pengajian tinggi dan swasta kepada PKUP dengan keadaan pembelajaran yang kondusif

Kini, majoriti mahasiswa-mahasiswi cacat penglihatan yang menuntut di UM ditempatkan di kolej kediaman Za'ba. Selain itu, mereka juga disediakan sebuah bilik khas yang bernama Bilik Jati untuk keperluan semua pelajar istimewa, Bilik tersebut digunakan untuk tujuan

mengulangkaji, bermesyuarat dan berinterkasi. Di samping itu, beberapa buah komputer bersuara turut disediakan untuk kegunaan PKUP. Di Perpustakaan Utama UM, semua PKUP mempunyai sebuah Bilik Karea untuk tujuan sesi pembacaan (bersama dengan pembaca sukarela) dan mengulangkaji. Namun, mereka tidak disediakan dengan kemudahan teknologi maklumat seperti Internet, Embosser (pencetak braille) dan komputer bersuara. Oleh dernikian, ternyata bahawa PKUP amat kekurangan kemudahan pembelajaran khususnya di peringkat Fakulti dan Perpustakaan. Didapati keadaan ini tidak jauh berbeza sejak UM menerima PKUP. Justeru, pihak universiti disarankan bahawa perlu peka kepada keperluan PCP agar mereka tidak ketinggalan terutama dalam bidang teknologi maklumat.

Perbincangan

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dikatakan bahawa pendidikan bagi OKUP di negara kita telah mempunyai satu sejarah yang agak lama, iaitu kira-kira 75 tahun. Sebenarnya terdapat 4 pihak utama yang memberikan sumbangan besar kepada perkembangan pendidikan bagi komuniti OKUP di Malaysia. Keempat-empat pihak yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. pertubuhan agama khususnya pada zaman sebelum kemerdekaan misalnya Misi Anglikan,
2. kerajaan negeri pada zaman penjajahan Inggeris contohnya negeri Johor dan Pulau Pinang,
3. Kementerian Pendidikan selepas kemerdekaan khususnya Unit Pendidikan Khas dan JPK; dan
4. kumpulan berkepentingan yang terdiri daripada persatuan OKUP seperti MAB, Society of The Blind Malaysia, St. Nicholas Home, Society For The Blind Sabah dan Society For The Blind Sarawak dan National Council For The Blind Malaysia.

Apa yang menarik perhatian kita di sini adalah pertumbuhan-pertumbuhan keagamaan dengan bantuan dan sokongan kerajaan pada zaman penjajahan Inggeris telah meletakkan satu batu asas yang penting demi perkembangan pendidikan bagi OKUP. Mengapakah mereka menerajui usaha ini bukannya kerajaan? Ini mungkin disebabkan ketika itu hanya terdapat satu [abaran, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ditubuhkan pada tahun 1946 oleh kerajaan penjajah Inggeris untuk memberikan perkhidmatan pemulihan kepada orang kurang upaya. Ini bermakna tidak terdapat agensi-agensi khusus seperti JPK yang terdapat pada masa sekarang yang bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan khas bagi orang-orang kurang upaya.

Jika kita meninjau daripada perspektif sejarah, didapati banyak institusi-institusi agama bergiat cergas dalam kerja-kerja amal kebajikan sernajak dari pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu. Antara aktiviti-aktiviti lain yang mereka lakukan adalah menyediakan kemudahan rawatan, penjagaan dan pendidikan bagi orang kurang upaya. Pada pendapat penulis, para mubaligh Eropah yang berpengalaman dalam bidang ini berhasrat melakukan sesuatu yang mulia sejajar dengan tuntutan agama untuk membantu golongan istimewa, jadi, selain daripada menyebarkan agama, mereka turut berazam untuk menubuhkan sekolah khas bagi mengubah nasib orang kurang upaya seperti mana yang dilakukan di negara barat.

Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia khususnya pada tempoh 1960-an dan seterusnya telah melibatkan diri secara langsung dalam perihal pendidikan khas. Perubahan dasar ini kelihatan ketara berbanding di zaman penjajahan Inggeris. Ini adalah kerana ketika itu tidak terdapat peruntukan perundangan berkaitan dengan persoalan ini. Namun, keadaan ini telah berubah kerana Akta Pelajaran 1961 buat kali pertamanya telah menyentuh tentang perkara pendidikan khas, Kerajaan juga telah menyedari bahawa betapa pentingnya untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua pelajar, jadi, satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk meneliti

keperluan-keperluan pendidikan termasuk pendidikan khas pada tahun 1979.

Satu persoalan pokok yang dapat kita saksikan juga adalah komuniti OKUP hanya diberikan kemudahan pendidikan di peringkat sekolah rendah pada zaman penjajahan Inggeris. Selepas kemerdekaan, OKUP barulah disediakan dengan kemudahan pendidikan di peringkat sekolah menengah dan universiti. Mengapakah begitu? Pada pendapat penulis, keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh pihak penjajah lebih berminat terhadap agenda ekonomi berbanding dengan agenda-agenda lain termasuk pendidikan. Apa yang mereka lakukan hanya setakat menyediakan kemudahan pendidikan asas kepada masyarakat tempatan termasuk warga kurang upaya.

Selepas itu, kerajaan dengan seberapa daya upaya untuk meningkatkan kemudahan pendidikan bagi golongan istimewa di negara ini. Ini adalah kerana dalam Akta Pendidikan 1996 (Bab 8) telah menggariskan beberapa peraturan berkenaan dengan persoalan ini. Begitu juga, sikap dan kesedaran terhadap keperluan pendidikan khas di negara kita khususnya daripada pihak kerajaan amat positif kerana mereka telah bersetuju menubuhkan Unit dan JPK pada tahun 1964 dan 1995 untuk bertanggungjawab ke atas perkembangan pendidikan bagi golongan istimewa,

Ekoran daripada itu, pendidikan bagi OKUP di negara ini kelihatan terus berkembang dengan pesat. Jadi, kita merumuskan bahawa pendidikan bagi OKUP yang dilaksanakan di negara ini dapat dibahagikan kepada dua sistem yang utama, iaitu:

1. sistem pendidikan segregasi di sekolah khas; dan
2. sistem pendidikan integrasi di sekolah biasa,

Kesimpulan

Sistem pendidikan khas bagi OKUP eli Malaysia kelihatan telah melalui tiga tahap perkembangan iaitu:

1. tahap perkembangan awal sebelum mencapai kemerdekaan. Pihak yang memberi sumbangan yang besar pada permulaan sistem pendidikan bagi pelajar yang berkeperluan khas secara amnya dan PKUP secara khususnya adalah terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela atau kebajikan.
2. tahap perkembangan pertengahan selepas kemerdekaan. Tahap ini bermula dari tahun 1961 kerana menyaksikan perubahan dasar daripada pihak kerajaan untuk melibatkan diri secara langsung dalam bidang pendidikan khas. Dalam tempoh ini juga, Kementerian Pendidikan begitu giat menggalakkan rancangan integrasi bagi mengintegrasikan pelajar-pelajar istimewa di sekolah biasa di seluruh Malaysia; dan
3. Tahap perkembangan masa kini, Pada tahun 1990-an dan seterusnya, kelihatan banyak kemajuan telah dicapai dalam pendidikan khas melalui agensi-agensi kerajaan seperti JPK. Begitu juga kemudahan pendidikan bagi golongan pelajar istimewa semakin terjamin kerana adanya peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Bab 8) telah menjelaskan beberapa peraturan penting mengenai pendidikan khas. Satu lagi tindakan dan dasar kerajaan yang berkomited kepada perkembangan pendidikan khas adalah dasar pendidikan inklusif yang berteraskan kepada konsep pendidikan untuk semua yang dilaksanakan pada pertengahan tahun 1995. Jadi, ketika ini, JPK bertanggungjawab menyediakan keperluan pendidikan bagi kategori pendidikan rna salah pendengaran, penglihatan dan bermasalah pembelajaran.

Akhirnya, kita berharap bahawa matlamat falsafah pendidikan khas seperti mana yang digariskan oleh JPK iaitu pendidikan khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sehagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafah pendidikan negara dapat dicapai melalui tiga program pendidikan khas utama iaitu Program pendidikan di sekolah khas, Program pendidikan percantuman, dan Program pendidikan inklusif.

Rujukan

- Ahmad Bin Mohamad Said, (2000). Pendidikan Khas Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Dasar, Pelaksanaan dan Tuju Hala Masa Depan. *Laporan Seminar Pendidikan Khas Peringkat Kehangsaan 2000*. Genting Highlands: Jabatan Pendidikan Khas, Kernenterian Pendidikan Malaysia.
- Bourgeault, S. E. (1970). *Integrated education for blind children*. New York: American Foundation for Overseas Blind .
- Chua, T. T. (1970). education of the blind in Malaysia, *Qllarterfy Contact*. Vol. hlm,4-5.
- Chua, T. T. (1970). Pendidikan Khas di Malaysia. *Journal Kementerian Pelajaran Malaysia*, him, 91-94.
- Chua, T. T. (1976). Some Aspects of Special Education in Malaysia, Singapore, Thailand and' the Philippines: A Comparative Study, *Unpublished PhD Thesis*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fatimah Hanum Bt Mohd Daud, (1992). *The Mainstreaming of VISually handicapped students in a secondary school in Kuala Lumpur*. Thesis Master of Education, UM
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksaaan Dasar Pelajaran. (1988), Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, hlm 221225.
- Latar Belakang Pendidikan Khas ill Malaysia. *Buletin Pendidikan Kbas*. Jabatan Pendidikan Khas, November 1997.
- Norziah Bt Haniz dan Zaman Bin Kassim (2000). Country Report Malaysia: Strengthening and Encouraging School Development. *Tbe 19/1, APEID Seminar on Special Education*, Kanagawa, Japan, 6-11 November.
- Norani Mohd Salleh., et al. (1996). *Keperluan penubuhan seeotab menengab vokasional kbas (cacat Peng/ihatan) di Malaysia*. Kaiian Bersama

Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Noraini Mohd Salleh, (2000). Ke Arah Menjayakan Program, Pendidikan Khas di Malaysia. *Ltrporan Seminar Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2000*. Genting Highlands: J abatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Risalah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kurang Upa.)'a Penglihatatl, Kuala Lumpur, 1998.

Zalizan Mohd Jelas dan Noraini Mohd Salleh (2000). Pendidikan Inklusif: Satu Perubahan dalam Paradigm a Pendidikan. *Laporan Seminar Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2000*. Genting Highlands: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.